



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000
No. Faks : 03-8888 6020
Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

**KELANGSUNGAN RANTAIAN PERIKANAN TERJAMIN DAN
BEKALAN IKAN MENCUKUPI BAGI MEMENUHI KEPERLUAN NEGARA**

KOTA KINABALU, 18 JULAI 2021: Sektor perikanan adalah antara sektor penting (*essential services*) yang dibenarkan beroperasi sepanjang masa oleh Kerajaan tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menjamin kelangsungan rantai perikanan serta pengusaha yang terlibat, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

“Sebarang sekatan terhadap pengoperasian sektor perikanan boleh menyebabkan sekuriti makanan negara terjejas sekaligus akan meningkatkan kebergantungan import. Keadaan ini juga akan menjejaskan sumber ekonomi nelayan tempatan dan keseluruhan rantai perikanan yang melibatkan industri perikanan tangkapan, akuakultur, pemprosesan dan aktiviti perdagangan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sesi turun padang walkabout ke Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih, Putatan.

Dalam walkabout ini, Dr. Ronald melawat sekitar Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih, Putatan dan meninjau aktiviti pemasaran ikan. Pasar Nelayan ini mula beroperasi pada tahun 2013 dan merupakan salah satu pasar nelayan yang aktif di Sabah dengan 20 hingga 35 buah bot nelayan mendaratkan dan menjual terus hasil tangkapan mereka di sini.

Menurut Dr Ronald, walaupun sektor perikanan berdepan dengan pelbagai cabaran ketika ini, bekalan ikan adalah mencukupi dan stabil bagi memenuhi keperluan negara di mana purata bulanan bekalan ikan untuk tahun ini dijangka kekal stabil pada 169,000 tan metrik berbanding dengan keperluan negara sebanyak 125,000 tan metrik sebulan.

Pendaratan ikan seluruh negeri Sabah sahaja dari bulan Januari hingga bulan Jun 2021 telah direkodkan sebanyak 107,000 tan metrik dengan nilai sebanyak RM643 juta. Manakala rekod pendaratan ikan di Pasar Nelayan Kampung Pasir Putih, Putatan dari bulan Januari hingga Jun 2021 adalah sebanyak 7,000 tan metrik dengan nilai RM35,000.

Bagi tahun 2021, LKIM telah memperuntukan sebanyak RM450,000 untuk menaiktaraf pasar nelayan ini yang dicadang untuk dijadikan sebagai ‘*One Stop Centre*’ bagi menjalankan aktiviti pemasaran ikan, pendaratan dan agropelancongan kerana lokasi ini sangat strategik dan berpotensi untuk dimajukan bagi manfaat nelayan dan masyarakat setempat.

Kerajaan melalui LKIM telah memperuntukkan RM4.32 juta bagi negeri Sabah setakat ini bagi tahun semasa untuk bantuan baik pulih rumah di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN), naiktaraf pasar nelayan dan pembinaan pusat pengumpulan dan pengedaran ikan serta pembinaan dan baik pulih jeti-jeti nelayan.

Selain itu, Kerajaan juga melalui LKIM telah memperuntukkan sebanyak RM2.18 juta di bawah Dana Khas Persatuan Nelayan Negeri (PNN) dan Dana Khas Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) yang merupakan antara inisiatif dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).

Dalam pada itu, YBM Menteri MAFI turut menyerahkan sumbangan bakul makanan (*Food Basket*) kepada 100 orang ahli nelayan PNK Kota Kinabalu. Ianya sebagai sebahagian sumbangan MAFI Prihatin menerusi LKIM bersama-sama PNK bagi mengurangkan beban para nelayan yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Kebajikan semua golongan sasar termasuk nelayan serta jaminan rantaian bekalan makanan adalah keutamaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sepanjang masa. Jabatan Perikanan Negara (DOF) dan LKIM akan terus memainkan peranan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan, membangunkan industri perikanan negara serta memastikan bekalan ikan negara mencukupi sepanjang masa.

Turut hadir dalam walkabout ini, Pengarah LKIM Negeri Sabah, Encik Sundralingam A/L Nagaiah dan Pengerusi PNK Kota Kinabalu Datuk Haji Arsit bin Hj Sedi.

#####

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
18 JULAI 2021